



SIARAN MEDIA

KPKT SALUR RM216.44 JUTA PERKASA INFRASTRUKTUR DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT JOHOR

JOHOR BAHRU, 25 Jun 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyalurkan peruntukan berjumlah **RM216.44 juta** kepada Negeri Johor bagi memperkukuh pembangunan perumahan, kemudahan awam dan kesejahteraan rakyat menerusi Program Pembangunan KPKT RMK 13 RP1 Tahun 2026.

Peruntukan tersebut diumumkan sempena lawatan kerja rasmi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming ke Johor menerusi siri jelajah **Sentuhan Kasih KPKT 4.0** yang berlangsung selama dua (2) hari pada 25 dan 26 Jun 2026. Simbolik penyerahan peruntukan telah disempurnakan kepada PMgr. Sr. Ts. Dr. Haji Mohamed Ali bin Mohamed Abu Backer, Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri selaku wakil Kerajaan Negeri Johor semasa lawatan YB Menteri ke Flat Taman Ungku Tun Aminah (TUTA), Iskandar Puteri.

Menurut YB Tuan Nga Kor Ming, "Peruntukan RM216.44 juta ini membuktikan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memastikan rakyat Johor menikmati akses kepada perumahan yang berkualiti, kemudahan awam yang selesa serta persekitaran kehidupan yang lebih mampan dan sejahtera".

Peruntukan yang disalurkan meliputi pelbagai inisiatif strategik merangkumi pembangunan perumahan rakyat, penyelenggaraan perumahan strata, kemudahan awam, keselamatan komuniti, pengurusan sisa pepejal, pembangunan bandar dan desa serta program kesejahteraan masyarakat yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat Johor.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebahagian besar peruntukan disalurkan bagi memperkukuh agenda perumahan rakyat termasuk pelaksanaan Rumah Malaysia (Disewa), Program Perumahan Rakyat (PPR), Program Residensi Rakyat (PRR), Pembangunan Perumahan Inklusif MADANI (PIM), Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP), Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) dan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR).

Selain itu, KPKT turut memperuntukkan dana bagi menaik taraf kemudahan awam dan infrastruktur komuniti termasuk pasar awam, gerai MADANI, sistem perparitan, tandas awam BMW, taman rekreasi, balai bomba dan penyelenggaraan kawasan

perumahan. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan keselesaan, keselamatan dan kualiti hidup rakyat di seluruh negeri Johor.

Dalam usaha memperkukuh agenda pembangunan mampan, peruntukan turut disalurkan bagi pelaksanaan projek pengurusan sisa pepejal, penutupan selamat tapak pelupusan, pembangunan landskap awam serta penyediaan perancangan pembangunan bandar dan desa yang lebih teratur, mampan dan berdaya tahan.

KPKT juga terus memberi perhatian kepada aspek kesejahteraan komuniti melalui pelaksanaan Program Baik Pulih Rumah di Bandar, Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dan Projek Pembangunan Kampung Baru yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan golongan memerlukan serta memperkukuh perpaduan komuniti setempat.

Sepanjang lawatan kerja ini, YB Nga Kor Ming turut meninjau pelbagai projek pembangunan dan kemudahan awam di beberapa daerah termasuk Johor Bahru, Iskandar Puteri, Kulai, Kluang dan Batu Pahat yang melibatkan projek perumahan rakyat, kemudahan komuniti, pasar awam, taman rekreasi, rumah ibadat bukan Islam dan pembangunan infrastruktur tempatan.

YB Nga Kor Ming menegaskan, "KPKT akan terus memperkukuh kerjasama strategik bersama Kerajaan Negeri Johor dan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan setiap projek dilaksanakan secara cekap, telus dan berimpak tinggi demi manfaat rakyat".

Butiran terperinci peruntukan Program Pembangunan KPKT RMKe-13 RP1 Tahun 2026 bagi Negeri Johor adalah seperti di Lampiran A.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh :
Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel media.ukk@kpkt.gov.my*



**PERUNTUKAN PROGRAM PEMBANGUNAN KPKe-13 RP1 TAHUN 2026
BAGI NEGERI JOHOR**

JUMLAH KESELURUHAN: RM216,444,748.60

BIL	JABATAN / AGENSI	PERUNTUKAN (RM)
1	Bahagian Perumahan (BR)	55,079,700.00
2	Jabatan Perumahan Negara (JPN)	14,420,000.00
3	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)	6,000,000.00
4	Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)	63,825,086.94
5	Jabatan Landskap Negara (JLN)	1,900,000.00
6	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)	28,800,000.00
7	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)	2,200,000.00
8	Bahagian Kesejahteraan Komuniti (BSK)	4,822,961.66
9	Bahagian Kampung Baru Cina (BKBC)	6,500,000.00
10	Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)	32,897,000.00

PROJEK DAN INISIATIF UTAMA

Perumahan

- Rumah Malaysia (Disewa)
- Program Perumahan Rakyat (PPR)
- Program Residensi Rakyat (PRR)
- Pembangunan Perumahan Inklusif MADANI (PIM)
- Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP)
- Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM)
- Program Rumah Mesra Rakyat (480 unit)

Infrastruktur dan Kemudahan Awam

- Naik taraf Pasar Jalan Ibrahim, Batu Pahat
- Medan Selera Asam Pedas Parit Jawa, Muar
- Pembinaan Gerai MADANI
- Naik Taraf Pasar Awam MADANI
- Pengukuhan cerun di kawasan PBT
- Naik taraf sistem perparitan
- Penyelenggaraan Tandas Awam BMW

Keselamatan Awam

- Naik taraf Balai Bomba dan Penyelamat Kluang
- Naik taraf Balai Bomba dan Penyelamat Larkin
- Kerja awalan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Johor Bahru Sentral

Kesejahteraan Komuniti

- Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)
- Program Baik Pulih Rumah di Bandar
- Projek Pembangunan Kampung Baru

Kelestarian dan Perancangan Bandar

- Pengurusan sisa pepejal dan penutupan selamat tapak pelupusan
- Naik taraf taman awam negeri
- Kajian Rancangan Struktur Negeri Johor 2040 (Kajian Semula)
- Kajian Rancangan Tempatan Daerah Tangkak 2040
- Pelan Induk Pembangunan Endau, Mersing